

**KITA JAGA KITA**

Saya menerusi seluruh rakyat Malaysia untuk turus mempraktikkan amalan kebiasaan baharu dengan mematuhi garis panduan seperti yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

Pelan Insfrauktur Digital: libatkan 128 projek, kos keseluruhan RM3.8 bilion

August 19, 2021 Written by Media Baharu Published in Covid19



PUTRAJAYA, 19 Ogos - Bagi mendepani cabaran dan senario semasa, kerajaan mengambil langkah agresif, strategik dan berimpak tinggi merentasi pelbagai agensi sektor awam.

Antaranya, meluluskan 128 projek ICT dan pendigitalan melibatkan kos keseluruhan RM3.8 bilion dengan peruntukan sebanyak RM538.7 juta tahun ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali berkata ia meliputi pembangunan sistem, infrastruktur dan perisian keselamatan siber, latihan kompetensi kerajaan digital serta menaik taraf kelengkapan ICT di institut latihan.

Pelan infrastruktur digital yang menyeluruh dikenali Jalinan Digital Negara atau JENDELA juga diwujudkan bagi meningkatkan capaian internet.

Beliau berucap pada Persidangan Digital Sektor Awam Tahun 2021 menerusi sidang video Facebook MAMPU Jabatan Perdana Menteri.